



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

3 FEBRUARI 2021 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

3 FEBRUARI 2021 (RABU)

HARI : RABU

TARIKH : 3/2/2021

M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM5.29
• Daging Lembu Tempatan	RM34
• Daging Lembu Import	RM21
• Telur Gred A	RM10.50
• Ikan Kembung	RM8.99
• Minyak Masak	RM5.25
• Gula Pasir	RM2.95
• Bawang Besar Holland	RM3.20
• Bawang Putih	RM2.99
• Cili Merah	RM8.90
• Kubis Bulat Tempatan	RM5.50
• Tepung Gandum	RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (BERITA UMUM)

3 FEBRUARI 2021 (RABU)

Kuala Lumpur: Senarai penuh 318 pengimport daging berlesen yang mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) boleh didapati di portal Halal www.halal.gov.my atau aplikasi SmartHalal, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Dalam satu hantaran di laman Facebook semalam, beliau berkata, masyarakat

Semak pengimport daging halal guna SmartHalal

Islam tidak perlu ragu dengan pengimport yang mempunyai sijil itu.

"Saya amat prihatin akan kebimbangan umat Islam dalam hal ini. KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) selaku agensi berautoriti su-

dah melaksanakan prosedur yang tepat bagi pengu-rusan kes kartel daging im-port ini.

"Adalah sebaiknya proses penguatkuasaan di-laksanakan oleh mereka yang diberi kuasa mengikut lunas pe-runda-

ngan. Insya-Allah selepas selesai perbicaraan dan tin-dakan undang-undang di mahkamah, semuanya akan selesai," katanya.

Pada 1 Disember lalu, negara di-kejutkan de-ngan pem-bongkaran kartel da-ging se-

juk beku import yang mem-bawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletak-kan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.

Zulkifli pada 29 Januari dilapor berkata, status halal sesuatu produk atau per-khidmatan di pasaran boleh diperolehi dengan cepat dan mudah dengan hanya mengimbas QR Code pada

aplikasi telefon pintar SmartHalal ketika melan-carkan kod berkenaan se-cara maya.

Sementara itu, beliau memberitahu, rundingan meja bulat anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bersama pengim-port dan pengedar daging dan produk daging pada 11 Januari menghasilkan ba-nyak keputusan yang ber-manfaat untuk umat Islam di Malaysia.

Semak status halal sesuatu produk atau perkhidmatan dengan imbas QR Code